



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP INI WARISAN KITA:
MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2024 DAN
PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN EJEN PERPADUAN**

17 SEPTEMBER 2024

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutati terkini akan disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada **100 orang sukarelawan siswa** yang telah bertungkus lumus menjalankan aktiviti sukarelawan di **enam (6) buah daerah di Wilayah Sabah**. Sekalung penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan misi kali ini iaitu:
 - I. Kementerian Pendidikan Tinggi,
 - II. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sabah
 - III. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi,
 - IV. Universiti Malaysia Sabah,
 - V. Yayasan Perkasa Siswa,
 - VI. Kompeni A, Batalion 2, Rejimen 507,
 - VII. Yayasan Nur Jauhar, serta
 - VIII. penduduk tempatan

2. Pada tahun ini, saya difahamkan bahawa para sukarelawan terdiri daripada **56 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** di seluruh negara. Daripada 100 orang sukarelawan siswa yang dipilih pada kali ini, 88 orang adalah yang baharu pertama kali menyertai misi sukarelawan siswa.
3. Sepanjang misi ini, sebanyak 229 projek sukarelawan telah dilaksanakan oleh para sukarelawan siswa. Berdasarkan projek-projek yang dijalankan, lebih 24,000 orang telah menerima manfaat daripada aktiviti yang dijalankan.
4. Antara projek utama yang dijalankan pada misi kali ini adalah:
 - a. Eco Aquaponic Garden dan Sudut Ilmu di Kampung Moyog, Penampang
 - b. Sahabat bakau dan kem dinamik diri di Kampung Sabur, Banggi
 - c. Pondok D.A.R.V.I.H. dan pondok wakaf di Kampung Tengkurus, Kota Belud
 - d. Baik pulih surau, pembinaan tapak pelupusan sampah dan program motivasi pelajar di Kampung Suasa, Beaufort
 - e. Menambahbaik fasiliti masjid dan pemasangan lampu solar di Kampung Bandulan, Sepanggar
 - f. Membaik pulih kawasan markas dan pembelajaran STEM di Kompeni A, Batalion 2, Rejimen 507, Papar

KESUKARELAWAN TUNJANG PERPADUAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. **Kesukarelawan berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan pelbagai latar belakang, budaya, dan komuniti.** Melalui aktiviti sukarela, individu dari pelbagai lapisan masyarakat diberi peluang untuk bekerjasama, memahami, dan menghargai satu sama lain.
6. **Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) adalah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang mempunyai visi untuk menjadi hab global kepimpinan sukarelawan siswa ke arah perpaduan negara.** Seiring dengan matlamat dalam melahirkan pemimpin sukarelawan berimpak tinggi, salah satu aktiviti utama YSS adalah menjalankan misi sukarelawan siswa di dalam dan luar negara.

7. Sejak penubuhannya pada tahun 2012 hingga kini, **YSS telah melahirkan seramai 1,833 pemimpin sukarelawan, 61 *high impact volunteer mission* dan lebih 8,000 projek peringkat komuniti.**
8. Di Malaysia terdapat pelbagai badan sukarelawan seperti Yayasan Sukarelawan Siswa, MyCorps, Rakan Muda, Impact Malaysia dan sebagainya. Sehingga kini, tiada sebarang dasar khusus bagi bidang kesukarelawan di negara ini. Sehubungan dengan itu, **Kementerian Perpaduan Negara sedang meneliti untuk mewujudkan Dasar Kesukarelawan Nasional.**

EJEN, DUTA DAN IKON PERPADUAN

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

9. Kementerian Perpaduan Negara telah membuat ketetapan untuk melantik **Ejen, Duta dan Ikon Perpaduan dalam kalangan generasi muda yang mampu memacu dan menggerakkan agenda perpaduan negara.**
10. Bagi pelaksanaan inisiatif ini, **kesemua alumni misi sukarelawan siswa anjuran YSS akan dilantik sebagai Ejen**

Perpaduan. Manakala, hanya seramai 50 orang akan dipilih setelah beberapa fasa penilaian sebagai Duta Perpaduan.

11. Selain itu, seramai **2 Ikon Perpaduan** akan dipilih setiap tahun bermula tahun hadapan dan akan diumumkan ketika **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan.**
12. Dengan ini, saya mengucapkan tahniah kepada semua sukarelawan siswa yang telah melengkapkan misi pada kali ini atas pelantikan sebagai Ejen Perpaduan. Diharapkan dengan pelantikan ini, sukarelawan siswa akan lebih bersemangat untuk mengadakan aktiviti sukarelawan di peringkat IPT dan komuniti seterusnya **mendukung fokus ‘Sukarelawan Tunjang Perpaduan’.**

PENUTUP

13. Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada sukarelawan siswa kerana berjaya menamatkan Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2024 dan menjadi ejen perpaduan YSS. Kesukarelawan bukan hanya tentang memberikan bantuan tetapi juga tentang membina perpaduan. Ia adalah cara yang berkesan untuk menghubungkan individu,

merapatkan jurang antara pelbagai latar belakang, dan membina masyarakat yang lebih harmoni.

Dengan ini, saya merasmikan **Majlis Penutup Misi Sukarelawan Siswa ke Wilayah Sabah dan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ejen Perpaduan.**

Sekian, terima kasih.